



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2020

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MDA) dan berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/01/2020	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Mesin Hemodialisis Di Hospital Sik Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 050101 atau 050102	RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 22 Januari 2020 (Rabu)	22 Januari 2020 (Rabu) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik Seminar Dato' Seri Paduka Tuan 1, Aras 1, Menara Zakat (diwajibkan hadir)	28 Januari 2020 (Selasa) 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.00 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.00 tengahari & 2.00 petang – 3.00 petang
	Tarikh Mula Dijual: 22 Januari 2020 (Rabu)

- Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada 22 Januari 2020 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar Dato' Seri Paduka Tuan 1, Aras 1, Menara Zakat pada jam 10.00 pagi.
- Pembekal dikehendaki membawa **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Kementerian Kesihatan Malaysia (MDA) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya berserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa taklimat tersebut. **Pemilik/penama** di dalam KKM digalakkan untuk hadir ke sesi taklimat. Wakil selain **pemilik/penama** di dalam sijil perlu mengemukakan **Surat Wakil Kuasa**.
- Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada penyebutharga yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di Kaunter Aras 8, Menara Zakat dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <http://www.zakatkedah.com.my>
- Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Jabatan Agihan (Teknikal)– 04-7331740 ext. 173 / Pegawai Perolehan– 04-7331740 ext. 265 & 019-4941740
Lembaga Zakat Negeri Kedah / Lembaga Zakat Negeri Kedah